



## **TEKS UCAPAN**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN WARGA KPKT**

*oleh*

**YANG BERTHORMAT TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN**

**SEMPENA**

**PERHIMPUNAN BULANAN KPKT 2018**

**PADA 22 JANUARI 2018 (ISNIN)**

**DI DEWAN KRISTAL, KPKT**

Yang saya muliakan, Saudara/Saudari Pengacara Majlis,

**Yang Berhormat Datuk Wira Halimah binti Mohamed Sadique**

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**YBhg Dato' Sri Haji Mohammad bin Mentek**

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

**YBerusaha Dr. Mary Wong Lai Lin**

Timbalan Ketua Setiausaha Dasar dan Pembangunan, KPKT

**YBerusaha Tuan Khairul Dzaimie bin Daud**

Timbalan Ketua Setiausaha Pengurusan, KPKT

**YBerusaha Tuan Haji Zamri bin Salleh**

Timbalan Ketua Setiausaha Kesejahteraan Bandar, KPKT

**Yang Amat Setia Dato' Sri Haji Wan Mohd Nor Bin Haji Ibrahim**

Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Ketua-Ketua Jabatan dan Setiausaha Bahagian KPKT,

YBhg. Datuk-Datuk, Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian

**Assalamualaikum Wbt, Salam Sejahtera dan Salam Negaraku Malaysia.**

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izin dan inayahnya, kita dapat

bersama-sama berhimpun pada hari ini dalam semangat dan azam baharu yang terus membara. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih atas perkhidmatan yang telah YBhg Dato' Seri, Dato-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan berikan sepanjang 2017 sehingga KPKT mencatat kecemerlangan dengan buat pertama kalinya menduduki tempat kedua antara kementerian dalam prestasi pencapaian kewangan pembangunan pada tahun lalu.

2. Di kesempatan ini, rasanya masih belum terlambat untuk saya mengucapkan selamat tahun baru 2018 kepada semua warga KPKT. Marilah kita bertekad dan berazam supaya tahun 2018 ini akan menjadi tahun mercu tanda bagi pencapaian perkhidmatan yang lebih cemerlang dan menjadi tahun yang lebih bermakna kepada kita dalam melakar kehidupan yang lebih harmoni dan sejahtera.

3. Sepertimana yang sering diperkatakan bahawa kesejahteraan sebuah negara itu bermula dari kehidupan masyarakatnya. Untuk mewujudkan kesejahteraan bandar, ia seharusnya bertitik-tolak dari Kementerian kita, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kementerian ini mempunyai peranan signifikan dalam melaksanakan pelbagai inisiatif ke arah kesejahteraan hidup bandar yang meliputi antaranya sara hidup, kualiti hidup dan daya huni.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

**a) Konvensyen Perbandaran Negara**

4. Antara perkara yang menjadi keutamaan dan fokus KPKT bagi tahun 2018 dalam mengharungi fenomena dan proses urbanisasi ialah:

i) Memenuhi keperluan rakyat seperti perumahan, perkhidmatan perbandaran termasuk pengurusan sisa pepejal dan tadbir urus bandar; dan

ii) Melaksanakan pembangunan infrastruktur dan pembangunan insan yang seimbang.

5. Dalam hal ini, Kementerian baru sahaja selesai menganjurkan Konvensyen Perbandaran Negara pada 17 Januari 2018 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) yang lalu. Konvensyen ini bertujuan untuk membangunkan resolusi perbandaran di Malaysia dalam mendepani cabaran urbanisasi dan keperluan rakyat bandar kini.

6. Resolusi perbandaran yang dihasilkan daripada konvensyen ini menerusi *Focus Group Discussion* telah membantu menambahbaik

draf Pelan Sejahtera Rakyat Bandar (PSRB) yang dirangka oleh KPKT selaras dengan misi “Ke Arah Mensejahterakan Rakyat”. Perbincangan ini telah disertai oleh Ahli-Ahli Parlimen Malaysia, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN), wakil-wakil daripada Kementerian/ Jabatan/ Agensi Kerajaan (Persekutuan/ Negeri), Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan, ahli-ahli profesional, Badan-Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan Persatuan/ Pertubuhan Perniagaan. Justeru itu, Resolusi Perbandaran ini merupakan satu detik penting atau *milestone* dalam mewujudkan bentuk perwajahan dan kehidupan bandar Malaysia yang lebih kondusif bagi tahun 2030, berpandukan acuan kita sendiri.

#### **b) World Urban Forum Ke-9 (WUF 9)**

7. Lanjutan daripada penganjuran Konvensyen Perbandaran Negara, Malaysia akan menjadi tuan rumah bagi Persidangan *World Urban Forum* (WUF9) yang akan diadakan di *Kuala Lumpur Convention Centre* (KLCC) bermula pada 7 hingga 13 Februari 2018 ini. Persidangan ini dijangka akan dihadiri oleh lebih 25,000 orang peserta daripada pelbagai negara. WUF9 ini merupakan acara dwi tahunan yang diadakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) melalui agensinya iaitu *United Nations Human Settlements Programme* (UN-Habitat).

8. Penyertaan dari kalangan negara PBB dijangka terdiri daripada Ketua Delegasi Negara (Ketua Negara/ Menteri), UN's *stakeholders*, ahli akademik, pakar perbandaran, NGO's dan orang awam. Pertemuan mega daripada pelbagai pihak ini adalah selari dengan tema forum iaitu "*Cities 2030, Cities For All: Implementing the New Urban Agenda*".

9. WUF9 adalah merupakan acara penting kerana ia merupakan platform pertama untuk membahaskan pelaksanaan dan pencapaian *New Urban Agenda* yang merupakan rangka dan arah tuju kemampuan perbandaran dalam memastikan bandar-bandar bersifat inklusif, selamat, sejahtera, berdaya tahan dan berdaya huni.

10. Platform WUF9 ini akan menyediakan ruang yang amat baik bagi Malaysia untuk mempamerkan (*showcase*) inisiatif-inisiatif perbandaran Malaysia kepada dunia. Menerusi platform ini juga, Kerajaan dapat mempelajari inisiatif serta pendekatan baru dalam menyelesaikan isu perbandaran yang dihadapi oleh dunia.

**Hadirin yang dihormati sekalian,**

**c) Akujanji Persekutuan**

11. Sebagai peneraju dalam memastikan kesejahteraan hidup rakyat terutamanya di kawasan bandar, KPKT akan sentiasa memberi fokus kepada penyediaan kemudahan bagi kehidupan yang selesa, selamat

dan sejahtera kepada rakyat. Selain daripada menyediakan kemudahan perumahan, penyediaan infrastruktur fizikal (*grey infrastructure*), penyediaan kemudahan kebombaan (*fire and safety infrastructure*), KPKT juga mempunyai peranan penting untuk mewujudkan kawasan perbandaran yang sihat dan sesuai didiami melalui penyediaan kawasan hijau dan kawasan lapang (*green infrastructure*) yang efektif dan mapan. Peranan ini perlu kita penuhi dalam usaha kita menjadikan Negara lebih kompetitif dan menjadi pilihan untuk pelaburan yang boleh mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

12. KPKT melalui Jabatan Landskap Negara turut mempunyai tanggungjawab untuk menunaikan dua Akujanji Persekutuan melalui usaha pembangunan landskap, iaitu untuk **meningkatkan kawasan hijau perbandaran bagi kesejahteraan hidup bandar** dan seterusnya **menyediakan akses rekreasi awam bagi membolehkan rakyat mengamalkan gaya hidup sihat.**

13. Sehingga kini, sebanyak 99 projek Akujanji Persekutuan di bawah JLN telah dilaksanakan bermula dari tahun 2013 sehingga 2017 yang merangkumi 17 projek taman awam, 8 projek pembangunan landskap, 3 projek taman botani, 23 projek persekitaran kehidupan dan 8 projek *My Beautiful Neighbourhood* (MyBN). Walaupun dengan peruntukan dan sumber manusia yang terhad untuk tujuan ini, kita telah berjaya melaksanakan 262 projek

yang dapat memberikan manfaat akses rekreasi. Jika setiap satu ekar kawasan dapat menampung 1,000 orang, adalah dianggarkan seramai 1.5 juta orang penduduk di kawasan yang terlibat telah mendapat manfaat terus dari usaha berkenaan.

#### **d) Usaha-usaha yang telah dilaksana oleh JLN**

14. Penyediaan infrastruktur hijau (*green infrastructure*) melalui ruang-ruang landskap yang dirancang dengan baik dan sistematik akan mewujudkan pembangunan bandar yang indah dan selesa. Ruang-ruang hijau di kawasan perbandaran mampu berfungsi sebagai kawasan rekreasi dan interaksi sosial dan akhirnya dapat melahirkan masyarakat yang harmoni, bersatu padu dan sejahtera. Justeru, kepentingan kesenibinaan landskap dalam pembangunan negara perlu diberi penekanan yang sewajarnya agar pembangunan fizikal negara dapat diimbangi dengan pembangunan landskap yang indah, berkualiti dan beridentiti. KPKT melalui JLN sangat komited untuk memastikan infrastruktur hijau dalam kawasan perbandaran dapat dirancang, dibina dan diurus dengan baik. Negara memerlukan perkhidmatan kesenibinaan landskap yang mantap sama ada dalam sektor awam mahupun di sektor swasta.

15. Ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti tinggi untuk kesejahteraan rakyat, program-program yang diwujudkan adalah untuk membantu PBT meningkatkan kawasan hijau melalui



pelaksanaan projek landskap perbandaran dan projek pembangunan persekitaran yang menghubungkan kawasan-kawasan tumpuan awam dalam bandar menjadi satu rangkaian hijau yang berfungsi dan berkualiti. Sehingga kini, terdapat 51 projek taman awam yang telah siap dibina, 3 projek taman botani, 1 projek taman persekutuan serta keterlibatan dalam projek NBOS - *My Beautiful Neighbourhood* (MyBN). Melalui pelaksanaan pelbagai projek di bawah Program Persekitaran Kehidupan, ruang riadah dan rekreasi tersedia untuk integrasi kaum dan interaksi sosial di kawasan perumahan yang berkepadatan tinggi.

**e) Pendekatan pembangunan landskap perbandaran secara bersepadu**

16. Jika dahulu, pembangunan dilaksanakan secara *piecemeal*, kini landskap perbandaran mengubah cara pembangunan kepada satu pendekatan yang lebih mampan dan bersepadu. Melalui pendekatan ini, secara tidak langsung dapat mengurangkan kawasan tepubina serta masalah *urban heat island* terutamanya di bandar-bandar. Akhirnya persekitaran yang kondusif (*condusive living environment*) akan dapat direalisasikan. Sejak tahun 2016 sehingga kini, sebanyak 7 projek landskap perbandaran telah dilaksanakan melibatkan PBT daripada pelbagai negeri.

#### **f) Pembudayaan landskap**

17. Usaha yang dilakukan oleh kerajaan perlu disambut dengan kesediaan rakyat untuk menjaga landskap yang kita ada. Sikap kepunyaan dan sayangkan landskap yang kita ada sentiasa disemai dan diterapkan melalui pelbagai program sejak tahun 1997. Usaha ini dipertingkatkan melalui penubuhan Rakan Taman bagi menggalakkan sikap kebertanggungjawaban masyarakat melalui gerakan kesukarelawan dalam komuniti untuk melaksanakan usaha-usaha pengindahan, pemuliharaan dan penjagaan kawasan hijau dalam kawasan kejiranan masing-masing. Secara tidak langsung, usaha ini akan mewujudkan sebuah masyarakat yang sayangkan alam sekeliling dan berusaha ke arah menjadikan kehidupan yang sihat, harmoni dan lebih bermakna.

18. Selain itu, melalui Rakan Taman kita dapat memperkasakan komuniti untuk melaksana kerja-kerja kesukarelawan bagi menyelenggara dan melakukan pembaikan kecil fasiliti dan kemudahan landskap yang terdapat di taman-taman awam seperti taman kejiranan dan lain-lain kawasan landskap. Pelaksanaan aktiviti ini juga mampu menyemarakkan semangat perpaduan dan integrasi sosial di kalangan masyarakat. Sehingga kini, KPKT melalui JLN dengan kerjasama PBT telah mewujudkan sebanyak 269 Rakan Taman di seluruh Negara dengan penglibatan dianggarkan seramai

4,500 penduduk. Kementerian akan terus menggalakkan usaha komuniti untuk mewujudkan Rakan Taman di kawasan masing-masing.

19. Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mewujudkan persekitaran kehidupan yang indah, selesa dan selamat bagi meningkatkan kualiti hidup, warga KPKT sendiri perlu membudayakan landskap dalam kehidupan harian. Semoga dengan itu, ia dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup serta kesejahteraan, terutamanya untuk kita yang tinggal di bandar.

## **Penutup**

### **Hadirin yang dihormati sekalian,**

20. Usaha untuk mewujudkan kesejahteraan bandar tidak mungkin dapat direalisasikan dengan sekelip mata. Ia memerlukan perancangan, pelaksanaan dan kesungguhan yang berterusan dan mapan oleh semua pihak. Sepertimana setiap dari kita mempunyai hak untuk merasa selesa dan sejahtera dalam kehidupan, setiap seorang dari kita juga mempunyai peranan untuk menyumbang bagi mewujudkan kesejahteraan yang kita idamkan.

21. Kesejahteraan hidup tidak mungkin datang bergolek tetapi perlu kita usahakan. Bagi saya suasana aman yang kita nikmati sejak 60 tahun yang lalu merupakan antara asas penting untuk kesejahteraan

hidup. Dengan adanya keamanan dapatlah kita meneroka pelbagai peluang yang ada untuk memperbaiki dan meningkatkan kehidupan mengikut keupayaan masing-masing. Kita perlu memilih yang terbaik supaya ia dapat menjamin kelangsungan kesejahteraan hidup.

22. Akhir kata, sekali lagi saya menyeru kepada semua warga KPKT agar dapat menanamkan sikap sayangkan landskap dan persekitaran serta berfungsi sebagai 'agen penggerak' kepada kejayaan pembudayaan landskap di negara ini. Kita semua semestinya akan merasa gembira jika dapat tinggal dan menjalankan urusan seharian di dalam kawasan yang indah, selesa dan selamat, bukan hanya untuk hari ini, tetapi juga melestarikannya untuk kesejahteraan hidup generasi yang akan datang.

23. Apa yang kita rancang dan lakukan pada hari ini adalah penterjemahan KPKT terhadap Dasar Wasatiyyah Negara iaitu penekanan kepada konsep 4K iaitu Kesederhanaan, Keseimbangan, Keadilan dan Kecemerlangan. Kesemua aspek tersebut kita perlu garap untuk memastikan kehidupan rakyat Malaysia khususnya masyarakat bandar, sentiasa terjaga dan dilindungi kesejahteraannya.

24. Dengan itu, sekali lagi saya ucapkan syabas di atas kejayaan warga KPKT sepanjang tahun 2017. Tirai tahun 2018 yang baru tersingkap seharusnya disambut dengan hati yang terbuka dan semangat yang waja bagi melaksanakan tugas serta tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh integriti dan berdedikasi demi

kecemerlangan KPKT. Semoga kita semua dapat meningkatkan semangat, menggandakan usaha dan berganding bahu demi menjayakan aspirasi dan matlamat KPKT. Sesungguhnya kejayaan hanya dapat dicapai melalui usaha dan keazaman yang tinggi serta semangat kerja berpasukan untuk menempa kecemerlangan pada masa hadapan.

25. Di sini, saya akhiri ucapan saya dengan serangkap pantun;

Hidup ini sangatlah indah,  
Jika insan pandai merasa,  
Bekerja itu adalah ibadah,  
Berpahala di sisi Tuhan Yang Esa.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.